

21 JUN 1999

Abdullah-Termiskin

SEBANYAK 22,000 DAPAT RM250 BANTUAN SARA HIDUP DARI FELDA, RISDA

PUTRAJAYA, 21 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata seramai 22,000 orang daripada kumpulan rakyat termiskin akan menerima bayaran sara hidup sebanyak RM250 sebulan daripada Felda dan Risda.

Beliau berkata, mereka merupakan kumpulan rakyat termiskin yang tidak produktif seperti cacat, kurang upaya atau golongan berumur yang tidak berdaya mencari nafkah, dan pemberian bantuan itu adalah selaras dengan dasar penyayang yang diamalkan oleh kerajaan.

"Pihak-pihak berkenaan akan mengadakan perbincangan lanjut bagi memperincikan perkara ini sebelum ia dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Pasukan Petugas peringkat Menteri untuk meningkatkan pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di kompleks Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang baru di sini.

Inilah mesyuarat yang pertama diadakan di Bilik Gerakan Negara itu, di tingkat satu bangunan itu.

Hari ini juga adalah hari pertama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Abdullah menggunakan secara rasmi pejabat baru di kompleks JPM yang serba moden di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang baru itu.

Abdullah berkata, kedua-dua agensi itu dipilih sebagai pembiaya kerana mereka mempunyai hubungan paling dekat dengan golongan berpendapatan rendah dan miskin di negara ini.

Felda dan Risda akan mengagihkan sesama sendiri bilangan orang yang akan mendapat bantuan sara hidup daripada mereka, katanya.

Beliau berkata, bayaran RM250 diputuskan sebagai bayaran yang berpatutan kepada mereka. Selain bantuan itu, golongan terbabit akan juga diberi kemahiran untuk menghasilkan kerjatangan untuk dijual bagi pendapatan tambahan.

"Kita sudah mengenal pasti mereka, dah daftar mereka, kita akan pastikan keadaan mereka yang terakhir (sebelum bantuan disalurkan)," katanya.

Kini ada sejumlah 67,300 orang dalam kumpulan termiskin dengan 58,200 daripada mereka dari Semenanjung Malaysia. Daripada sejumlah 58,200 itu Kelantan mencatatkan bilangan tertinggi dengan 16,800 orang.

Mesyuarat hari ini turut memutuskan untuk memberi bantuan bekalan elektrik kepada golongan termiskin bagi membantu mereka yang benar-benar memerlukan.

-- BERNAMA

AFY NMO